

<http://www.america.gov/st/business-english/2010/May/20100503095328sztiwomod0.81271.html?CP.rss=true>

3 Mei 2010

Setiausaha Negara Clinton bercakap kepada para usahawan wanita dunia di majlis sarapan pagi pada 28 April.

Clinton Garis Langkah Memperluaskan Peluang untuk Wanita

Tegas beliau usahawan wanita sangat penting dalam menghadapi cabaran global

Oleh Susan Domowitz

Penulis Staf

Washington - Setiausaha Negara Amerika Syarikat Hillary Rodham Clinton memberitahu usahawan-usahawan wanita seluruh dunia bahawa mereka adalah rakan penting dalam usaha global untuk meningkatkan keamanan, kemakmuran, kestabilan dan keselamatan.

"Kami memerlukan setiap orang daripada anda untuk meminjamkan kemahiran dalam bidang keusahawanan dan tenaga bagi menghadapi cabaran global abad baru ini," katanya.

Clinton bercakap ketika majlis sarapan pada 28 April di Washington bersama para usahawan wanita yang menyertai Sidang Kemuncak Presiden mengenai Keusahawanan pada 26-27 April. Beliau berkata bakat ada di mana-mana tetapi peluang tidak, dan meyakinkan mereka bahawa Amerika Syarikat akan menjadi rakan dalam "usaha membuka peluang."

Clinton mengumumkan empat inisiatif untuk memperluaskan peluang untuk wanita agar "lebih ramai wanita boleh mengubah impian menjadi usahawan dan inovasi kepada perniagaan berjaya yang dapat menjana pendapatan untuk diri dan keluarga mereka, mewujudkan pekerjaan, memperluaskan pasaran dan merangsang kemajuan dalam komuniti mereka."

Inisiatif pertama dibuat melalui program yang dipanggil *Tech Women*. Di sini, usahawan wanita yang berketrampilan dalam bidang teknologi di tujuh negara yang majoriti penduduknya Islam akan berpasangan dengan mentor Amerika dan diberikan latihan selama empat hingga enam minggu di pusat-pusat teknologi di Amerika seperti di Lembah Silikon di California.

Inisiatif kedua adalah melalui kerjasama Amerika Syarikat dan Jepun, yang kini adalah penggerusi forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2010, untuk menganjurkan sidang kemuncak keusahawanan wanita APEC pada musim luruh 2010 di Jepun. Sidang Kemuncak itu akan menumpu pada isu-isu berkaitan dasar, sumber manusia dan pembiayaan.

Inisiatif ketiga adalah melalui penubuhan Dana Antarabangsa untuk Wanita dan Gadis. Dana ini adalah satu perkongsian awam-swasta baru yang bertujuan untuk memberikan geran berimpak tinggi kepada

pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dalam memajukan ekonomi, sosial dan politik golongan wanita.

"Dana wanita tersebut akan menyediakan sumber dan kepakaran sektor awam dan swasta untuk melabur dalam penyelesaian yang berkesan dan inovatif untuk isu-isu seperti pemerkasaan ekonomi, perubahan iklim, memerangi keganasan terhadap wanita, dan peningkatan akses kepada pendidikan dan kesihatan," kata Clinton.

Inisiatif keempat adalah Anugrah Inovasi untuk Pemerkasaan Wanita dan Gadis. Anugerah ini yang dibiayai oleh Yayasan Rockefeller akan mengiktiraf pendekatan baru untuk memperkasakan wanita dari segi politik, ekonomi dan sosial di seluruh dunia. Dua orang penerima pertama masing-masing akan menerima geran sehingga \$500,000 untuk melaksanakan program yang dapat meningkatkan taraf kehidupan wanita dan gadis, dan diperluas untuk manfaat bidang lain.

Sebagai contoh, Clinton berkata ketika beliau "berada di Senegal dan keluar berjalan di negara itu untuk melihat jenis perigi baru yang membolehkan wanita untuk mendapatkan air di desa mereka sendiri daripada harus berjalan selama berjam-jam. Kami sedang mengusahakan satu projek dapur masak untuk menyediakan dapur masak yang selamat dan berkesan agar golongan wanita tidak perlu berjalan berbatu-batu untuk mendapatkan kayu-kayan dan ranting-ranting ranting patah untuk menyalakan dapur bagi memberi makan keluarga mereka."

Clinton memperkenalkan Presiden Yayasan Rockefeller Judith Rodin yang berkata bahawa mengenalpasti inovasi, mengembangkan inovasi itu, dan menerapkannya pada isu-isu yang tampak sukar telah terbukti sangat berkesan.

"Kita semua tahu faktanya," kata Rodin. "Dua pertiga daripada pekerjaan di dunia ini dibuat oleh wanita tetapi mereka hanya mendapat 5 peratus daripada hasil pendapatan. Golongan wanita mengusahakan 90 peratus makanan di dunia, namun mereka hanya memiliki 1 peratus tanah di dunia. Dan wanita tiga kali lebih bermungkinan daripada laki-laki untuk bekerja dalam ekonomi tak formal. Kerana itu penganiayaan dan perdagangan seks dan ketiadaan hak-hak perundangan dan perlindungan untuk wanita masih berlaku di banyak tempat di seluruh dunia. Kita perlu lakukan lebih banyak dan kita perlu lakukan lebih banyak dengan keperluan segera untuk memperkasakan wanita. Dan kami percaya bahawa tumpuan pada inovasi boleh skala dapat boleh memberi hasil yang ketara."

Clinton menggesa mereka yang hadir untuk kembali ke negara asal mereka dengan komitmen dan semangat optimis yang baru.

"Saya berharap anda akan membawa pulang bersama satu komitmen untuk menggunakan kemahiran dan tenaga anda untuk menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan keluarga, komuniti dan negara anda kerana saya benar-benar percaya bahawa, sebagai wanita, kita dapat membantu menjadikan dunia yang lebih kukuh, lebih stabil, lebih selamat, lebih makmur dan lebih aman untuk diri kita sendiri dan anak-anak kita."